

Penyata Kawalan Dalaman

TANGGUNGJAWAB BAGI KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui bahawa ia bertanggungjawab bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan dan mengkaji keberkesanan, kecukupan dan integriti sistem berkenaan. Ia menyedari bahawa kajian ke atas sistem kawalan dalaman adalah proses berterusan, direka bentuk untuk mengurus dan bukan untuk menghapuskan risiko kegagalan bagi mencapai objektif perniagaan Kumpulan. Dalam meneruskan objektif-objektif ini, kawalan dalaman hanya menyediakan jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap salah penyataan atau kerugian ketara.

Lembaga Pengarah telah mewujudkan proses untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses-proses ini telah dilaksanakan bagi keseluruhan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 dan diteruskan hingga ke tarikh Pernyataan ini diluluskan. Lembaga Pengarah yakin bahawa proses-proses ini memberi jaminan munasabah ke atas keberkesanan dan kecekapan kedua-dua aspek kewangan dan operasi Kumpulan.

Proses-Proses Penting

Proses penting yang telah diwujudkan oleh Lembaga Pengarah bagi mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:-

- Kumpulan mempunyai struktur organisasi yang dihuraikan dengan jelas dengan garis sempadan tanggungjawab dan kebertanggungjawapan yang jelas.
- Polisi Pengurusan Risiko Kumpulan, membentangkan pandangan Lembaga Pengarah kearah risiko dan proses-proses untuk mencapai objektif perniagaan Kumpulan, telah didokumentasikan dengan jelas dalam Penyata Pengurusan Risiko yang dibentangkan dalam Laporan Tahunan ini.
- Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, melapor kepada Jawatankuasa Audit, sentiasa mengkaji proses perniagaan Kumpulan dalam usaha untuk menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman yang ada dan untuk menonjolkan risiko-risiko penting yang akan memberi impak kepada Kumpulan dan sekiranya perlu, mencadangkan peningkatan selanjutnya.
- Kumpulan memegang 20% kepentingan ekuiti dalam syarikat sekutunya, Labuan Reinsurance (L) Limited (Labuan Re) melalui anak syarikatnya, Malaysian Reinsurance Berhad dan diwakili di Lembaga Pengarah Labuan Re oleh dua pengarahnya. Kumpulan juga memegang 40% kepentingan ekuiti dalam sebuah lagi syarikat sekutunya, Motordata Research Consortium Sdn. Bhd. dan juga di wakili oleh dua pengarah.

Jawatankuasa MNRB adalah:

- Jawatankuasa Audit, di lantik oleh Lembaga Pengarah, terdiri daripada tiga (3) pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa Audit mengkaji dan menimbang kedua-dua laporan juruaudit dalaman dan luaran, dan dalam proses mengukur keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman. Cadangan sewajarnya bagi peningkatan akan dibuat kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- Jawatankuasa Pelaburan, terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif, bertanggungjawab bagi mengkaji dan meluluskan cadangan-cadangan pelaburan, dan memantau portfolio pelaburan Kumpulan bagi memastikan kesesuaian dengan keseluruhan objektif perniagaan dan syarat-syarat berkanun.
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko, terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif, bertanggungjawab bagi mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, mengenai penggunaan strategi dan polisi pengurusan risiko yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pemantauan proses pengurusan risiko Kumpulan.
- Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan, terdiri daripada lima (5) pengarah bukan eksekutif. Tugas utama Jawatankuasa Pencilonan adalah untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan pengarah. Bagi Jawatankuasa Imbuhan, tugas utamanya ialah mencadangkan pakej imbuhan yang bersesuaian. Jawatankuasa Pelantikan juga bertanggungjawab ke atas penilaian tahunan terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah telah mewujudkan Jawatankuasa Lembaga di peringkat Kumpulan dan subsidiari dengan tujuan untuk membantu dan memberi tumpuan tambahan dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Penyata Kawalan Dalaman

Lain-lain Elemen Penting Kawalan Dalaman

- Lembaga Pengarah telah menerapkan polisi-polisi komunikasi untuk memastikan bahawa semua keputusan yang telah di buat dapat di sampaikan dengan segera kepada semua peringkat kakitangan dalam Kumpulan dan sebaliknya apa jua maklum balas dan cadangan ke atas peningkatan boleh di sampaikan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- Garis Panduan Penguderaitan subsidiari Insurans Semula dan Takaful telah diterapkan untuk mengurus risiko yang diunderait.
- Program-program triti dapat memastikan bahawa terdapat pelbagai penginsurans semula dengan penarafan yang diterima daripada agensi bertauliah. Sekuriti triti penginsurans semula dikaji semula setiap tahun.
- Manual jabatan disediakan dalam Kumpulan dan ia mengandungi polisi dan prosedur bagi operasi harian dan bertindak sebagai panduan kepada kakitangan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil dalam keadaan tertentu. Manual ini dapat memastikan tugas dapat dijalankan dengan pengawasan minimum. Ia juga menetapkan had autoriti berkaitan yang perlu dipatuhi oleh setiap peringkat Pengurusan dalam Syarikat dan Kumpulan. Dalam hal ini, anak syarikat Insurans Semula telah memperolehi pensijilan ISO 9002 daripada SIRIM.
- Sistem kewangan Kumpulan merekodkan semua urusniaga untuk mengeluarkan laporan prestasi bulanan dan suku tahunan untuk membantu Pengurusan berkaitan memberi fokus kepada hal tertentu.
- Pelan Perniagaan Tahunan akan diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- Proses belanjawan terperinci telah dilaksanakan dalam Kumpulan dimana setiap jabatan menyediakan belanjawan bagi tahun kewangan akan datang untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Belanjawan akan dipantau dan sebarang variasi besar akan diambil tindakan susulan oleh Pengurusan.
- Setiap kakitangan Kumpulan adalah tertakluk pada perjanjian dan dikehendaki mematuhi piawaian etika perniagaan yang ditetapkan dalam menjalankan tugas harian dan apabila berhubung dengan pihak luar seperti pelanggan dan pembekal. Kumpulan berharap setiap kakitangan mengendalikan dirinya dengan penuh integriti dan objektiviti dan tidak menempatkan diri mereka dalam kedudukan yang bercanggah dengan kepentingan syarikat. Kecekapan kakitangan dikekalkan melalui sistem pengambilan kerja berstruktur, sistem penilaian prestasi dan ganjaran dan pelbagai program latihan dan pembangunan.

Lembaga Pengarah percaya bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah kukuh bagi tujuannya dan akan kukuh melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan dengan secukupnya. Kajian berterusan hal ehwal kawalan dalaman akan sentiasa dijalankan atas dasar usaha berterusan, selaras dengan "Peyata Kawalan Dalaman : Garis Panduan bagi para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam", untuk memastikan keberkesanan berterusan sistem dan untuk memperkukuhkan lagi apabila diperlukan.

Pernyataan ini di buat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Mei 2007.